

Bani Israil dan Balasan Keingkaran: Surah al-Baqarah (2: 58-61)

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia
qamar@utm.my

Suggested Citation:

Jasmi, Kamarul Azmi (2021). *Bani Israil dan Balasan Keingkaran: Surah al-Baqarah (2: 58-61). Siri Tafsir Sempena Budaya al-Quran. Siri 11*. Johor Bahru: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. ISBN 978-967-2171-79-9.

Abstract

Bani Israil dan Balasan Keingkaran, Surah al-Baqarah (2: 58-61), Siri 11 merupakan siri buku tafsir al-Quran bersempena dengan Program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Bukan sedikit keingkaran yang dilakukan oleh Bani Israil terhadap perintah Allah SWT dan Rasul-Nya ketika kegemilangan penurunan kitab taurat. Oleh itu, tidak pelik jika Nabi Muhammad SAW, agama yang dibawa, dan pengikutnya juga turut dimusuhi oleh mereka sejak zaman berzaman. Buku ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah *al-Baqarah* (2: 58-61) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat enam pengajaran penting yang boleh diambil hasil daripada perbincangan ayat dan tafsirannya. Pengajaran tersebut ialah sifat keji dan tercela Bani Israil yang wajar dijauhi oleh kaum Muslimin, balasan buruk terhadap sifat kebodohan, kesombongan Kaum Bani Israil, metode pengajaran terbai buat kaum yang bongkan dan takbur, kemenangan para Rasul merupakan penghujung perutusan seseorang Rasul, menyambut kemenangan dan pertolongan Allah SWT dengan rasa syukur, dan perbezaan antara sifat angkut dan sifat bermotivasi dalam kehidupan.

References

Ahmad, Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.

- Al-Bukhari, Muhammad Ismail. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Razi, Muhammad 'Umar. 1999. *Mafatih al-Ghayb - al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Araby.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn 'Abbas, Abdullah 'Abbas. t.th. *Tanwir al-Mikbas Min Tafsir Ibnu 'Abbas*. Mujd al-Din Abu Tahir Muhammad bin Ya'kub (Ed.). Lubnan: Dar al-Kutub 'Imiyah.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018. *Kaum Bani Israil dan Peristiwa Anak Lembu: Surah al-Baqarah (2: 50-57)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 06 Disember 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018. *Kaum Bani Israil dan Balasan Keingkar: Surah al-Baqarah (2: 58-61)*. Kertas Kerja dalam Siri 14: Program Budaya al-Quran, 20 Disember 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021a. *Bani Israil dan Balasan Keingkar: Surah al-Baqarah (2: 58-61)*. Jld. 11. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021b. *Kaum Bani Israil dan Peristiwa Anak Lembu Emas: Surah al-Baqarah (2: 51-57)*. Jld. 10. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.

**SIRI BUKU TAFSIR
SEMPENA BUDAYA AL-QURAN**

Siri 11

**Bani Israil dan Balasan Keingkaran
Surah *al-Baqarah* (2: 58-61)**

Kamarul Azmi Jasmi

**SIRI BUKU TAFSIR
SEMPENA BUDAYA AL-QURAN**

**Siri 11
Bani Israil dan Balasan Keingkaran
Surah al-Baqarah (2: 58-61)**

Kamarul Azmi Jasmi

Edisi Pertama Disember 2021

©KAMARUL AZMI JASMI 2021

Hak cipta terbuka. Dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain dengan memberi kredit rujukan kepada penulis dan Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Kamarul Azmi Jasmi

BANI ISRAIL DAN BALASAN KEINGKARAN : SURAH AL-BAQARAH
(2:58-61) / Kamarul Azmi Jasmi.

(SIRI BUKU TAFSIR SEMPENA BUDAYA AL-QURAN ; SIRI 11)

ISBN 978-967-2171-79-9

1. Qur'an. Surat al-Baqarah-Criticism, interpretation, etc.
2. Qur'an-Criticism, interpretation, etc.
3. Qur'an-Translating.
4. Government publications-Malaysia.

I. Judul. II. Siri.

297.1229

Kulit dan Pengatur huruf oleh / *Typeset by*

KAMARUL AZMI JASMI

Fakulti Tamadun Islam

UTM, Johor Bahru

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

AKADEMI TAMADUN ISLAM

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,

81310 UTM Johor Bahru,

Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

KANDUNGAN

Prakata	v
Pengenalan	1
Tafsiran Ayat	4
Surah <i>al-Baqarah</i> (2: 58-59)	4
Surah <i>al-Baqarah</i> (2: 60)	16
Surah <i>al-Baqarah</i> (2: 61)	21
Pengajaran Ayat	33
Sifat Keji dan Tercela Bani Israil yang Wajar Dijauhi	33
Tidak Mahu Berperang dan Berjihad di Jalan Allah SWT	33
Melawan dan Menderhaka Perintah Allah SWT dan Nabi-Nya	34
Mempermain-main Perintah Allah SWT	34
Tidak Bersyukur dengan Nikmat Pemberian Allah SWT	35
Angkuh dan Mengingkari Perintah Allah SWT serta Membunuh Nabi	35
Sangat Melampau Batas	36
Balasan Buruk Terhadap Sifat Kebodohan, Kesombongan, dan Kedegilan Bani Israil	36
Metode Pengajaran Buat Kaum yang Bongkak dan Takbur untuk Kembali ke Pangkal Jalan	38
Kemenangan Para Rasul Merupakan Penghujung Perutusan	39
Menyambut Kemenangan dan Pertolongan Allah SWT dengan Rasa Syukur	39

Perbezaan antara Sifat Angkuh dan Bermotivasi	39
Rumusan	41
Rujukan	42
Indeks	44
Biodata	45

PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT dan selawat dan salam ke atas junjungan Rasulallah SAW, ahli keluarga baginda, dan para sahabatnya.

Penulis mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana memberikan kekuatan kepada penulis untuk berkongsi pengetahuan daripada pengkajian dan pembacaan dalam bidang tafsir al-Quran. Pengkajian dan penulisan tafsir ini adalah bersempena dengan Program Budaya al-Quran (PBQ) yang dipertanggungjawabkan pada setiap minggu di Kolej Tun Fatimah, Universiti Teknologi Malaysia.

Tulisan ini akan menfokuskan kepada setiap surah dan ayat yang dibaca dan dibincangkan ketika sesi PBQ tersebut dengan melihat kepada beberapa aspek berikut:

- (1) Ayat al-Quran dan terjemahan.
- (2) Pengenalan. Bahagian ini yang menfokuskan latar belakang surah dan ayat sekiranya diperlukan
- (3) Tafsiran ayat.
- (4) Keutamaan surah dan ayat.
- (5) Pengajaran yang boleh diambil daripada surah dan ayat.
- (6) Rumusan.

Semua terjemahan al-Quran yang digunakan dalam buku ini menggunakan terjemahan tafsir Ustaz Abdullah Basmeih (1999) yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan sedikit pengeditan daripada segi bahasa yang lebih terkini.

Manakala tafsiran ayat adalah menggunakan kaedah *tafsir bi al-ma'thur* dengan menjadikan kitab tafsir Ibn al-Kathir (1999) sebagai rujukan tafsir yang utama dan disokong pula dengan beberapa buku tafsir yang lain yang semuanya bersifat *turath al-Islami*. Pada bahagian

tafsir ini juga, penulis juga akan mentakhrijkan semua hadis yang dikeluarkan oleh imam hadis dengan mengikut gaya takhrij hadis yang diketengahkan oleh Imam al-Nawawi (1983, 1998) serta disertakan nombor hadis dan hanya memilih hadis yang pernah dibukukan oleh mana-mana imam hadis sebagai sebahagian daripada huraian tafsir.

Akhir sekali, pada bahagian pengajaran ayat, penulis akan menyimpulkan intipati ayat tentang aspek yang boleh dijadikan pengajaran kepada para pembaca sama ada dalam bentuk pengetahuan, pemahaman, dan pengamalan yang boleh diambil pengajaran dengan menjadikan rujukan yang dibincangkan dalam perbincangan kelebihan ayat dan tafsiran ayat sebagai hujah dan dalil terhadap pengajaran tersebut. Hal ini supaya pengajaran ayat tersebut tidak terkeluar daripada kaedah *tafsir bi al-Ma'thur* yang menjadi teras kepada kaedah penghuraian tafsir ini.

Harapan penulis dengan tulisan ini agar ilmu yang dikaji dan ditulis untuk sesi PBQ itu dapat dipanjangkan kepada masyarakat Melayu Islam di seluruh dunia. Tulisan ini tidak lain adalah untuk dimanfaatkan oleh umat Islam agar segala nasihat dan pesanan Allah SWT yang Maha Esa mampu diamalkan oleh umat Islam dalam kehidupan.

Prof. Madya Dr. Kamarul Azmi Jasmi
Akademi Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia
2018

PENGENALAN

Setelah Allah SWT membicarakan tentang dosa Bani Israil yang menyembah anak lembu serta dosa kerana keinginan melihat Tuhan dan menjelaskan hukuman yang diterima oleh mereka di samping ingatan-Nya terhadap nikmat *al-manna* dan *salwa* dan perlindungan awan di atas mereka di padang pasir (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2018), Allah SWT menyambung lagi tentang kisah kedegilan Bani Israil yang enggan untuk berjihad untuk memerangi raja yang zalim di Baitulmuqaddis (Al-Sabuni, 1981; Mad Rashid *et al.*, 2018). Selain itu, Allah SWT juga menjelaskan nikmat lain yang diberikan kepada mereka berupa pancuran air daripada batu serta kebodohan mereka untuk meminta makan bagi menggantikan *al-manna* dan *salwa* dengan makan yang kurang berkhasiat. Firman Allah SWT:

وَإِذْ قُلْنَا ادْخُلُوا هَذِهِ الْقَرْيَةَ فَكُلُوا مِنْهَا حَيْثُ شِئْتُمْ
رَغَدًا وَاَدْخُلُوا الْبَابَ سُجَّدًا وَقُولُوا حِطَّةٌ نَّغْفِرْ لَكُمْ
خَطِيئَتِكُمْ^{٥٨} وَسَنَزِيدُ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٨﴾ فَذَلَّ الَّذِينَ
ظَلَمُوا قَوْلًا غَيْرَ الَّذِي قِيلَ لَهُمْ فَأَنْزَلْنَا عَلَى الَّذِينَ ظَلَمُوا
رِجْزًا مِنَ السَّمَاءِ بِمَا كَانُوا يَفْسُقُونَ ﴿٥٩﴾ وَإِذْ أَسْتَسْقَى
مُوسَى لِقَوْمِهِ فَقُلْنَا اضْرِبْ بِعَصَاكَ الْحَجَرَ فَانْفَجَرَتْ

مِنْهُ اثْنَتَا عَشْرَةَ عَيْنًا قَدْ عَلِمَ كُلُّ أُنَاسٍ مَّشْرَبَهُمْ ^طكُلُوا
 وَأَشْرَبُوا مِنْ رِزْقِ اللَّهِ وَلَا تَعَثُّوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ﴿٦٠﴾
 وَإِذْ قُلْتُمْ يَا مُوسَى لَنْ نَصْبِرَ عَلَى طَعَامٍ وَاحِدٍ فَادْعُ لَنَا
 رَبَّكَ يُخْرِجْ لَنَا مِمَّا تُنْتِجُ الْأَرْضُ مِنْ بَقْلِهَا وَقِثَّائِهَا
 وَفُومِهَا وَعَدَسِهَا وَبَصِلَهَا قَالَ ^طأَتَسْتَبِدُّونَ الَّذِي هُوَ
 أَدْنَىٰ بِالَّذِي هُوَ خَيْرٌ أَهْبِطُوا مِصْرًا فَإِنَّ لَكُمْ مَّا سَأَلْتُمْ ^ط
 وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذِّلَّةُ وَالْمَسْكَنَةُ وَبَاءُوا بِغَضَبٍ مِّنَ
 اللَّهِ ^طذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ
 النَّبِيَّيْنَ بَغْيِرَ الْحَقِّ ^طذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿٦١﴾

Maksud: Dan (kenangkanlah) ketika Kami berfirman, “Masuklah kamu ke bandar ini, kemudian makanlah dari benda yang ada di dalamnya dengan sepuas-puasnya, apa sahaja yang kamu sukai. Dan masuklah kamu melalui pintunya dengan tunduk (merendah diri); dan (mintalah ampun dengan) berkata, “Ya Allah ampunilah dosa kami,” supaya kami ampunkan kesalahan kamu, dan Kami akan tambah pula pahala orang yang berbuat baik.” (58). Kemudian orang yang zalim (penderhaka) itu mengubah perkataan (perintah kami) yang dikatakan kepada mereka dengan melakukan sebaliknya; maka Kami turunkan ke atas orang yang zalim itu bala bencana dari langit, dengan sebab mereka sentiasa berlaku fasik (menderhaka). (59). Dan (ingatlah) ketika Nabi Musa memohon supaya diberi air

untuk kaumnya, maka Kami berfirman, “Pukulah batu itu dengan tongkatmu,” (ia pun memukulnya), lalu terpancutlah dari batu itu dua belas mata air; sesungguhnya setiap satu puak (antara mereka) mengetahui tempat minumannya masing-masing. (Dan Kami berfirman), “Makanlah dan minumlah kamu dari rezeki Allah itu, dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi.” (60). Dan (kenangkanlah) ketika kamu berkata, “Wahai Musa, kami tidak sabar (sudah jemu) dengan makanan yang semacam sahaja, maka pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya dikeluarkan bagi kami sebahagian dari apa yang tumbuh di bumi; dari sayuran, dan mentimun, dan bawang putih, dan adas (kacang dalnya), serta bawang merahya.” Nabi Musa menjawab, “Adakah kamu mahu menukar sesuatu yang kurang baik dengan meninggalkan yang lebih baik? Turunlah kamu ke bandar kerana di sana kamu boleh dapati apa yang kamu minta itu.’ Dan mereka ditimpakan dengan kehinaan dan kepapaan, dan sudah sepatutnya mereka mendapat kemurkaan dari Allah. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka kufur (mengingkari) ayat Allah (perintah dan mukjizat yang membuktikan kebesaran-Nya); dan mereka pula membunuh para nabi dengan tidak ada alasan yang benar. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka menderhaka dan mereka pula sentiasa menceroboh. (61).

(Surah *al-Baqarah*, 2: 58-61)

Tafsiran ayat ini dibahagikan kepada tiga kumpulan ayat, iaitu *al-Baqarah* (2: 58-59), *al-Baqarah* (2: 60), dan *al-Baqarah* (2: 61). Pada bahagian akhir turut dibincangkan tentang pengajaran yang boleh diambil daripada pengajaran ayat.

TAFSIRAN AYAT

Bahagian tafsiran pertama, iaitu *al-Baqarah* (2: 58-59) yang menyentuh tentang bangkangan Bani Israil terhadap perintah Allah SWT dan Nabi Musa untuk berjihad. Manakala tafsiran ayat kedua, iaitu *al-Baqarah* (2: 60), iaitu ingatan Allah SWT tentang nikmat-Nya yang lain yang diberikan kepada kaum Bani Israil berkaitan pancuran air daripada batu buat minuman kepada mereka. Akhir sekali, ialah *al-Baqarah* (2: 61), iaitu tentang kebodohan Bani Israil yang meminta makanan yang lebih rendah mutunya daripada apa yang diberikan oleh Allah SWT sebelumnya kepada mereka, iaitu *al-manna* dan *salwa*.

SURAH AL-BAQARAH (2: 58-59)

Ayat surah *al-Baqarah* (2: 58-59) adalah menyentuh tentang tema keengganan bani Israil untuk berjihad di Baitulmaqdis sebagaimana firman-Nya:

وَإِذْ قُلْنَا ادْخُلُوا هَذِهِ الْقَرْيَةَ فَكُلُوا مِنْهَا حَيْثُ شِئْتُمْ
 رَغَدًا وَأَدْخُلُوا الْبَابَ سُجَّدًا وَقُولُوا حِطَّةٌ نَغْفِرْ لَكُمْ
 خَطِيئَتِكُمْ^{٥٨} وَسَزِيدُ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٨﴾ فَبَدَّلَ الَّذِينَ
 ظَلَمُوا قَوْلًا غَيْرَ الَّذِي قِيلَ لَهُمْ فَأَنْزَلْنَا عَلَى الَّذِينَ ظَلَمُوا
 رِجْزًا مِّنَ السَّمَاءِ بِمَا كَانُوا يَفْسُقُونَ ﴿٥٩﴾

Maksud: *Dan (kenangkanlah) ketika Kami berfirman, “Masuklah kamu ke bandar ini, kemudian makanlah dari benda yang ada di dalamnya dengan sepuas-puasnya, apa sahaja yang kamu sukai. Dan masuklah kamu melalui pintunya dengan tunduk (merendahkan diri); dan (mintalah ampun dengan) berkata, “Ya Allah ampunilah dosa kami,” supaya kami ampunkan kesalahan kamu, dan Kami akan tambah pula pahala orang yang berbuat baik.” (58). Kemudian orang yang zalim (penderhaka) itu mengubah perkataan (perintah kami) yang dikatakan kepada mereka dengan melakukan sebaliknya; maka Kami turunkan ke atas orang yang zalim itu bala bencana dari langit, dengan sebab mereka sentiasa berlaku fasik (menderhaka). (59).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 58-59)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/273) memulakan perbincangan tafsiran ayat dengan menyatakan bahawa Allah SWT berfirman mencela kaum Bani Israil kerana mereka membangkang, tidak mahu berjihad dan tidak mahu memasuki Tanah Suci Baitulmuqaddis, iaitu ketika mereka baru tiba dari negeri Mesir bersama Nabi Musa AS. Mereka diperintahkan memasuki Tanah Suci Baitulmuqaddis yang merupakan tanah warisan dari Israil, bapa mereka. Mereka diperintahkan memerangi orang *Amaliqah* yang kafir yang ada dalamnya. Namun begitu, mereka membangkang, tidak mahu memerangi orang *Amaliqah* ini dan mereka menjadi lemah dan patah semangat serta penakut. Maka Allah SWT menyasarkan mereka di Padang Sahara tandus sebagai hukuman buat mereka, seperti yang dijelaskan dalam surah *al-Maidah*. Oleh kerana itu, menurut pendapat yang paling sahih antara dua pendapat, tanah yang dimaksudkan adalah Baitulmuqaddis; seperti yang dinaskan oleh al-Suddi, al-Rabi' bin Anas, Qatadah, Abu Muslim al-Asfahani serta yang lainnya. Allah SWT berfirman mengisahkan ucapan Nabi Musa AS, iaitu:

يَقَوْمٍ أَدْخُلُوا الْأَرْضَ الْمُقَدَّسَةَ الَّتِي كَتَبَ اللَّهُ
لَكُمْ وَلَا تَرْتَدُّوا عَلَىٰ أَدْبَارِكُمْ فَتَنْقَلِبُوا خَاسِرِينَ ﴿٢١﴾

Maksud: (*Nabi Musa berkata lagi*), “Wahai kaumku, masuklah ke Tanah Suci (*Palestin*) yang telah diperintahkan oleh Allah untuk kamu (*memasukinya*); dan janganlah kamu berbalik undur ke belakang, (*kalau kamu undur*) maka kamu kelak menjadi orang-orang yang rugi (*di dunia dan di akhirat*).” (21)

(Surah *al-Ma'idah*, 5: 21)

Menurut ulama tafsir lainnya, tanah suci tersebut adalah *Ariha*. Pendapat ini diriwayatkan dari Ibn ‘Abbas dan Abdur Rahman bin Zaid, tetapi jauh dari kebenaran. Hal ini disebabkan *Ariha* bukan tujuan perjalanan mereka, melainkan tempat tujuan mereka tuju hanyalah *Baitulmuqaddis*. Pendapat lain yang lebih jauh lagi dari kebenaran adalah yang menyatakan bahawa negeri tersebut adalah negeri Mesir. Tafsiran ini ada diriwayatkan oleh Imam Al-Razi (1999: 3/522) dalam kitab tafsirnya.

Berkata Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/273-274) bahawa pendapat yang benar adalah pendapat pertama, iaitu yang menyatakan Baitulmuqaddis. Hal ini berlaku ketika mereka keluar dari Padang Sahara sesudah tersesat selama empat puluh tahun bersama Yusa‘ bin Nun AS Kemudian Allah SWT memberikan kemenangan kepada mereka atas Baitulmuqaddis pada petang hari Jumaat. Pada hari itu perjalanan matahari ditahan oleh Allah SWT selama seketika hingga mereka beroleh kemenangan. Sesudah mereka beroleh kemenangan, maka Allah SWT memerintahkan mereka untuk memasuki pintu gerbang Baitulmuqaddis seraya bersujud dengan ungkapan dan kalimah rasa syukur kepada Allah SWT atas nikmat yang dilimpahkan-

Nya kepada mereka berupa kemenangan dan pertolongan, hingga negeri mereka dapat direbut semula daripada tangan musuh dan mereka diselamatkan dari Padang Sahara dan tersesat jalan dalamnya.

Seterusnya Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/274) melanjutkan tafsiran tentang ayat dalam firman Allah SWT:

وَأَدْخُلُوا الْبَابَ سُجَّدًا

Maksud: *Dan masuklah kamu melalui pintunya dengan tunduk (merendah diri).*”

(Surah *al-Baqarah*, 2: 58)

Perkataan sujud dalam ayat ini ditafsirkan dengan pelbagai tafsir dalam kalangan sahabat dan tabiin, iaitu:

- (1) Ibn ‘Abbas RA bahawa ayat ini bermaksud masuk melalui pintunya sambil rukuk atau dalam tafsiran yang lain daripada Ibn ‘Abbas juga yang dikeluarkan oleh Imam Ibn Jarir (2001: 1/714) sebagai masuk melalui pintunya sambil membongkok rukuk melalui pintu yang kecil.
- (2) Sufyan al-Thawri: Mereka memasukinya dengan mengesotkan punggung mereka ke tanah.
- (3) Al-Hasan al-Basri: Mereka diperintahkan bersujud pada wajah mereka ketika memasukinya. Akan tetapi, pendapat ini dinilai jauh dari kebenaran oleh Imam Al-Razi (1999: 3/523).
- (4) Satu Pendapat: Tunduk dalam keadaan sukar untuk untuk diertikan menurut hakikatnya.

Manakala pintu yang diperintahkan untuk masuk itu pula ditafsirkan dalam kalangan ulama tafsir daripada sahabat dan tabiin sebagai:

- (1) Ibn ‘Abbas: Pintu yang berhadapan dengan arah kiblat.
- (2) Ibn ‘Abbas, Mujahid, al-Suddi, Qatadah, dan al-Dahhak: Nama pintu tersebut ialah *Bab al-Hittah* adalah salah satu pintu gerbang masuk ke kota Eliya Baitulmuqaddis.
- (3) Pandangan salah satu ulama: Salah satu dari arah kiblat (Al-Razi, 1999: 3/523).

Selain itu, cara masuk ke pintu itu menurut ayat juga dijelaskan oleh Ibn ‘Abbas ialah dengan m memasukinya dengan cara mengiring pada lambung mereka. Namun menurut Abdullah bin Mas‘ud, orang Yahudi dengan kedegilan mereka tetap memasuki pintu tersebut dengan menghadapkan kepala mereka. Cara ini bertentangan dengan cara yang diperintahkan kepada mereka untuk masuk ke pintu tersebut.

Lanjutan daripada ayat seterusnya seperti apa yang difirmankan oleh Allah SWT menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/274) sepertimana firman-Nya:

وَقُولُوا حِطَّةٌ

Maksud: *Dan (mintalah ampun dengan) berkata, “Ya Allah ampunilah dosa kami.”*


(Surah *al-Baqarah*, 2: 58)

Perkataan ini ditafsirkan dalam kalangan sahabat dan tabiin sebagai berikut:

- (1) Ibn ‘Abbas, ‘Ata, al-Hasan, Qatadah, dan al-Rabi‘ bin Anas: Ucapkanlah, “Ampunilah dosa kami.” Kalimah ini juga menurut Pendapat ini sebagaimana yang dikeluarkan oleh Imam al-Auza’i sebagai bermaksud, “Akuilah olehmu akan dosa kamu”

- (2) Pandangan Ibn ‘Abbas yang lain: Ucapkanlah oleh kamu bahawa perkara ini adalah perkara yang hak seperti apa yang diperintahkan kepada kamu.
- (3) Ikrimah: Ucapkanlah oleh kamu, “Tidak ada Tuhan selain Allah SWT.”
- (4) Al-Hasan dan Qatadah: Ucapkanlah, “Gugurkanlah dari kami dosa kami.”

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/275) menyambungkan perbincangan tafsiran dalam firman Allah SWT berikut:


 نَغْفِرْ لَكُمْ خَطَايَاكُمْ وَسَنَزِيدُ الْمُحْسِنِينَ

Maksud: *Supaya kami ampunkan kesalahan kamu, dan Kami akan tambah pula pahala orang yang berbuat baik. (57).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 58)

Ayat ini menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/275) merupakan jawapan kepada perintah yang sebelumnya. Dengan kata lain, apabila kamu mengerjakan apa yang Kami perintahkan kepada kamu, nescaya Kami ampuni dosa kamu dan akan Kami lipat gandakan pahala kebaikan bagimu. Ringkasnya, boleh dikatakan bahawa mereka diperintahkan untuk berendah diri kepada Allah SWT ketika mereka beroleh kemenangan, hal tersebut direalisasikan dalam bentuk perbuatan dan ucapan. Hendaknya mereka mengakui semua dosa mereka serta memohon keampunan kepada Allah SWT atas dosa tersebut, bersyukur kepada Allah SWT atas limpahan nikmat-Nya saat itu, dan bersegera melakukan perbuatan yang disukai oleh Allah SWT. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan dalam firman-Nya yang menyuruh berbuat demikian kepada umat Islam ketika mereka mencapai kemenangan:

إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ ۖ وَرَأَيْتَ النَّاسَ
يَدْخُلُونَ فِي دِينِ اللَّهِ أَفْوَاجًا ۖ فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ
وَاسْتَغْفِرْ لَهُ إِنَّهُ كَانَ تَوَّابًا ۝

Maksud: *Apabila datang pertolongan Allah dan kemenangan (semasa engkau wahai Muhammad berjaya menguasai negeri Makkah), - (1) Dan engkau melihat manusia masuk dalam agama Allah beramai-ramai, - (2) Maka ucapkanlah tasbih dengan memuji Tuhanmu dan mintalah ampun kepadaNya, sesungguhnya Dia amat menerima taubat. (3)*

(Surah *al-Nasr*, 110: 1-3)

Sebahagian sahabat menafsirkan ayat ini bahawa umat Islam dituntut untuk banyak berzikir dan memohon ampun bila mereka beroleh kemenangan dan pertolongan. Akan tetapi, menurut Ibn ‘Abbas RA bahawa beliau menafsirkan bahawa ayat ini adalah sebagai ucapan peringatan kepada Nabi SAW yang menandakan bahawa ajal baginda SAW sudah semakin tiba. Penafsiran ini diakui sendiri oleh Khalifah Umar RA, tetapi tidaklah bertentangan bila ditafsirkan bahawa Allah SWT memerintahkan hal tersebut bila kaum Muslimin beroleh kemenangan dan pertolongan Allah SWT serta manusia berbondong-bondong memeluk agama Allah SWT. Ayat ini juga merupakan ingatan kepada diri Nabi SAW yang sudah dekat saat wafatnya. Oleh kerana itu, Rasul SAW dilihat begitu rendah diri sekali ketika beroleh kemenangan.

Disebutkan dalam suatu riwayat, ketika Nabi SAW berhasil memperoleh kemenangan ketika pembukaan kota Mekah, Baginda SAW memasukinya dari celah yang tertinggi; sedangkan beliau tampak benar-benar penuh dengan rasa rendah diri kepada Tuhannya, sehingga

disebutkan bahawa janggut beliau benar-benar menyentuh pelana bahagian depannya sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT atas kurniaan tersebut. Kemudian ketika Baginda SAW memasuki kota Mekah, beliau terus mandi, berwuduk, dan solat sebanyak lapan rakaat. Ketika itu Baginda SAW melakukannya pada waktu Duha. Oleh kerana itu, sebahagian ulama menyatakan bahawa solat yang dilakukan oleh Baginda SAW tersebut ialah solat Duha, sedangkan sebahagian ulama lainnya menyatakan bahawa solat tersebut adalah solat kemenangan. Untuk itu, imam dan amir, iaitu ketika mereka beroleh kemenangan ke atas pembukaan sesuatu negeri, maka mereka disunatkan untuk mendirikan solat sebanyak delapan rakaat di negeri tersebut pada permulaan mereka memasukinya. Hal ini juga sepertimana yang dilakukan oleh Sa'ad bin Abu Waqqas RA ketika memasuki kota Iwan Kisra, dia bersolat dengan lapan rakaat dalam solat tersebut. Menurut pendapat yang sahih bahawa solat yang dilakukannya itu hendaklah dilakukan salam pada setiap dua rakaatnya sebagai pemisah. Namun ada juga pendapat yang menyatakan bahawa solat dilakukan hanya dengan sekali salam untuk seluruh rakaatnya.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/275) menyambung perbincangan tafsir ayat seterusnya dalam firman Allah SWT:

فَبَدَّلَ الَّذِينَ ظَلَمُوا قَوْلًا غَيْرَ الَّذِي قِيلَ لَهُمْ

Maksud: Kemudian orang yang zalim (penderhaka) itu mengubah perkataan (perintah kami) yang dikatakan kepada mereka dengan melakukan sebaliknya.

(Surah *al-Baqarah*, 2: 59)

Imam Ibn Kathir membawa hujah hadis yang menjelaskan lebih lanjut tafsiran ayat ini, iaitu (Al-Bukhari, 2001: 3403):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "قِيلَ لِبَنِي إِسْرَائِيلَ: (ادْخُلُوا الْبَابَ سُجَّدًا وَقُولُوا حِطَّةً) فَدَخَلُوا يَزْحَفُونَ عَلَى أَسْتَاهِهِمْ، فَبَدَّلُوا وَقَالُوا: حِطَّةٌ: حَبَّةٌ فِي شَعْرَةٍ."

Maksud: *Abu Hurairah RA berkata bahawa Nabi SAW yang bersabda, "Dikatakan kepada Bani Israil, "Masukilah pintu gerbangnya sambil sujud. Dan katakanlah, "Ampunilah dosa kami." Ternyata mereka memasukinya dengan mengesot dan mereka mengganti (ucapannya), lalu mereka menyatakan, "Habba fi sha'rah" (biji dalam rambut).*

(Al-Bukhari)

Berdasarkan hadis ini menunjukkan bahawa mereka menggantikan perkataan *hittah* (حِطَّةً) yang diperintahkan sebelum ini dengan perkataan '*habbah*' (حبة). Ada juga hadis lain yang menunjukkan Bani Israil mengubah perkataan yang disuruh '*hittah*' kepada '*hintah*' (حِنْطَةً) sebagai dalil hadis yang dikeluarkan berikut oleh Imam Ibn Jarir (2001: 1021):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «دَخَلُوا الْبَابَ الَّذِي أُمِرُوا أَنْ يَدْخُلُوا مِنْهُ سُجَّدًا يَزْحَفُونَ عَلَى أَسْتَاهِهِمْ يَقُولُونَ حِنْطَةً فِي شَعِيرَةٍ»

Maksud: *Ibn 'Abbas RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Mereka memasuki pintu gerbang yang mereka diperintahkan untuk memasukinya sambil sujud dengan mengesot, seraya mengucapkan, "Hintah fi sha'rah" (حِنْطَةً فِي شَعِيرَةٍ).*

(Al-Tabari)

Berhubungan dengan tafsiran ayat perbincangan (surah *al-Baqarah*, 2: 58), Sufyan al-Thawri meriwayatkan daripada athar sahabat al-Barra' bahawa firman Allah SWT berikut:

سَيَقُولُ السُّفَهَاءُ مِنَ النَّاسِ

Maksud: *Orang bodoh (yang kurang akal pertimbangannya) akan berkata.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 142)

adalah merujuk kepada orang Yahudi yang pernah diperintahkan kepada mereka, “Masukilah pintu gerbangnya sambil bersujud,” iaitu sambil rukuk. Dikatakan kepada mereka, “Dan katakanlah, “Ampunilah dosa kami,” iaitu dengan ampunan yang seluas-luasnya. Perintah tersebut menurut al-Barra', Ibn Mas'ud, dan Ibn 'Abbas RA diubah oleh orang Yahudi. Lalu mereka memasukinya dengan mengesot, dan berkata, “*Hintah hamra' fi ha shu'airah*” [حِنْطَةٌ حُمْرَاءُ فِيهَا شَعْرَةٌ] yang bererti, “gandum merah dalamnya terdapat sehelai rambut. Perbuatan kaum Yahudi yang suka melakukan sesuatu yang lain daripada yang diperintahkan oleh Allah SWT yang menyebabkan Allah SWT menyatakan mereka dalam firman-Nya, “Kemudian orang yang zalim (penderhaka) itu mengubah perkataan (perintah kami) yang dikatakan kepada mereka dengan melakukan sebaliknya.” (Surah *al-Baqarah*, 2: 59).

Kesimpulan dari apa yang dikatakan oleh Mufassirin menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/277) dan ditunjukkan oleh konteks ayat dapat dikatakan bahawa mereka mengganti perintah Allah SWT yang menganjurkan kepada mereka untuk berendah diri melalui ucapan dan sikap. Mereka diperintahkan memasukinya dengan bersujud, ternyata mereka memasukinya dengan mengesot, iaitu dengan menggeserkan punggung mereka sambil mengangkat kepala. Mereka diperintahkan mengucapkan kalimat *hittah*, iaitu “hapuskanlah dosa dan kesalahan kami”, tetapi ternyata mereka memperolok-olokkan perintah tersebut

dengan menukar perintah tersebut digantikan dengan ucapan, “*hintah fi sha’irah*. Perbuatan Yahudi ini sangat keterlaluan dan sangat ingkar perintah Allah SWT. Oleh kerana itu, Allah SWT menimpakan kepada mereka pembalasan dan azab yang pedih disebabkan kefasikan mereka yang tidak mahu taat kepada perintah-Nya. kerana itulah Allah SWT berfirman:

فَأَنْزَلْنَا عَلَى الَّذِينَ ظَلَمُوا رِجْزًا مِّنَ السَّمَاءِ بِمَا كَانُوا
يَفْسُقُونَ ﴿٥٩﴾

Maksud: *Maka Kami turunkan ke atas orang yang zalim itu bala bencana dari langit, dengan sebab mereka sentiasa berlaku fasik (menderhaka). (59).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 59)

Perkataan *al-rijz* (الرِّجْزُ) dalam ayat ini dan lain-lain ayat ditafsirkan dengan pelbagai makna, iaitu:

- (1) Ibn ‘Abbas, al-Hasan, dan Qatadah: Azab.
- (2) Abu al-‘Aliyah: Kemurkaan Allah SWT.
- (3) Asy-Sya‘bi dan Sa‘id bin Jubair: *Ta‘un* dan adakalanya dingin yang membekukan.

Sa‘id bin Jubair yang memberikan pengertian *al-Rijz* sebagai wabak taun dengan membawa hujah hadis Nabi SAW, iaitu (Muslim, t.th.: 2218):

عَنْ أُسَامَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «إِنَّ هَذَا الطَّاعُونَ رَجَزٌ سُلِّطَ عَلَى مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ، أَوْ عَلَى بَنِي إِسْرَائِيلَ، فَإِذَا كَانَ بِأَرْضٍ فَلَا تَخْرُجُوا مِنْهَا فِرَارًا مِنْهُ، وَإِذَا كَانَ بِأَرْضٍ فَلَا تَدْخُلُوهَا.»

Maksud: Sa'd bin Malik dan Usamah bin Zaid serta Khuzaimah bin Sabit. Mereka semua menyatakan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda, "Penyakit taun ini adalah suatu peringatan Allah yang ditimpakan kepada umat sebelum kalian atau kepada Bani Israil. Maka apabila wabak itu berjangkit di negeri tempat kamu berada, maka janganlah kamu keluar lari daripadanya. Dan apabila penyakit itu berjangkit di suatu negeri, maka janganlah kamu masuk ke negeri itu.

(Muslim)

Hadis ini dihuraikan dengan lebih mendalam dalam hadis yang lain, iaitu (Muslim, t.th.: 2218):

عَنْ أُسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ أَنَّهُ قَالَ: «إِنَّ هَذَا الْوَجَعَ وَالسَّقَمَ رَجَزٌ وَعَذَابٌ عُدِّبَ بِهِ بَعْضُ هَذِهِ الْأُمَمِ قَبْلَكُمْ.»

Maksud: Amir bin Sa'd bin Abu Waqqas, dari Usamah bin Zaid, dari Rasulullah SAW yang bersabda: Sesungguhnya penyakit dan wabak ini merupakan azab yang pernah ditimpakan kepada sebahagian umat dalam kalangan orang sebelum kamu.

(Muslim)

Berdasarkan tafsiran ayat dalam kelangan ulama mufassirin dan hadis bahawa perkataan *rijz* boleh ditafsirkan sebagai azab dan juga wabak.

Kedua-dua azab dan wabak yang ditimpakan kepada kaum Bani Israil atau kepada umat manusia adalah kerana Allah SWT murka dengan tindakan dan kelakuan yang dilakukan oleh Bani Israil dan umat manusia yang ditimpakan azab tersebut.

SURAH AL-BAQARAH (2: 60)

Selepas Allah SWT menceritakan tentang sikap dan perangai sebahagian daripada Bani Israil yang degil dan suka mempersendakan perintah Allah SWT, Allah SWT menyambung ingatan tentang keutamaan mereka yang diberikan oleh-Nya kepada umat Bani Israil supaya mereka bersyukur terhadap nikmat tersebut dan mahu kembali bersyukur dan beriman kepada Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW. Firman-Nya:

وَإِذْ أَسْتَسْقَىٰ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ فَقُلْنَا اضْرِبْ بِعَصَاكَ الْحَجَرَ ^ط
فَانفَجَرَتْ مِنْهُ اثْنَتَا عَشْرَةَ عَيْنًا قَدْ عَلِمَ كُلُّ أُنَاسٍ ^ط
مَشْرَبَهُمْ كُلُوا وَاشْرَبُوا مِنْ رِزْقِ اللَّهِ وَلَا تَعْتَوْا فِي الْأَرْضِ ^ط
مُفْسِدِينَ ﴿٦٠﴾

Maksud: *Dan (ingatlah) ketika Nabi Musa memohon supaya diberi air untuk kaumnya, maka Kami berfirman, "Pukulah batu itu dengan tongkatmu", (ia pun memukulnya), lalu terpancutlah dari batu itu dua belas mata air; sesungguhnya setiap satu puak (antara mereka) mengetahui tempat minumannya masing-masing. (Dan Kami berfirman), "Makanlah dan minumlah kamu dari rezeki Allah itu, dan janganlah kamu merebakkkan bencana kerosakan di muka bumi". (60).*

(Surah al-Baqarah, 2: 60)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/278) berkata ketika menjelaskan tafsiran ayat ini dengan kenyataannya bahwa Allah SWT berfirman, “Ingatlah kamu kepada nikmat yang Kulimpahkan sesudah Aku memperkenankan doa nabi kamu, iaitu Musa. Di kala ia meminta air minum kepada-Ku buat kamu hingga Aku memudahkan memperoleh air itu, dan Aku keluarkan air itu dari batu yang kamu bawa. Aku pancarkan air darinya buat kamu sebanyak dua belas mata air, bagi setiap suku antara kamu terdapat mata airnya sendiri yang diketahui. Makanlah *salwa* dan *manna*, dan minumlah air ini yang Aku pancarkan tanpa perlu bersusah payah dan tanpa usaha kamu, dan sembahlah oleh kamu Tuhan yang memudahkan semua hal tersebut.” Kemudian Allah SWT menyambung firman-Nya sebagai satu pesanan buat Bani Israil:

وَلَا تَعْتَوُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ﴿٦٠﴾

Maksud: *Dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi". (60).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 60)

Ayat terakhir daripada surah *al-Baqarah* (2: 60) ini seolah-olah Allah SWT menyatakan bahawa janganlah kamu membalas susu dengan tuba, iaitu kenikmatan yang diberikan dengan banyak kamu balas dengan kedurhakaan. Hal ini kerana akibatnya ialah nikmat tersebut semuanya akan dicabut dari kamu.

Para Mufassirin membahas kisah ini secara panjang lebar dalam pembicaraan mereka, seperti yang dikatakan oleh Ibn ‘Abbas RA Disebutkan bahawa di hadapan mereka diletakkan sebuah batu berbentuk empat persegi panjang, lalu Allah SWT memerintahkan Nabi Musa AS supaya memukul batu itu dengan tongkatnya. Lalu Nabi Musa AS memukulnya dengan tongkatnya, maka terpancarlah dua belas mata air. Pada setiap sudut batu tersebut memancar tiga

buah mata air. Kemudian Nabi Musa AS memberitahu kepada setiap suku itu mata air mana yang masing-masing miliki untuk menjadi minuman mereka. Mereka tidak sekali-kali berpindah ke tempat yang lain melainkan mereka melalui hal tersebut, sama halnya dengan kejadian yang pernah terjadi di tempat yang pertama..

Atiyah al-‘Aufi menyatakan, dijadikan untuk mereka sebiji batu yang sama besar dengan sebesar kepala kepala kerbau jantan, lalu batu itu dipikul di atas kerbau jantan. Apabila mereka turun istirahat daripada bermusafir, mereka meletakkan batu itu dan Nabi Musa AS memukul batu itu dengan tongkatnya, maka memancarlah dua belas mata air. Apabila mereka berangkat meneruskan perjalanan, mereka mengangkut kembali batu itu ke atas punggung kerbau jantan tersebut jantan, maka airnya terhenti dengan sendirinya. Menurut Usman bin ‘Ata al-Khurrasani meriwayatkan dari ayahnya bahawa kaum Bani Israil memiliki sebiji batu dengan Nabi Harun AS yang selalu meletakkannya ketika beristirahat daripada musafir, sedangkan Nabi Musa AS yang memukul batu itu dengan tongkatnya. Sedangkan Sayidina Qatadah RA menyatakan bahawa batu tersebut sebenarnya berasal dari Bukit Tur. Mereka mengambil batu tersebut dan yang memikulnya ke mana-mana sahaja tempat mereka pergi. Apabila mereka turun istirahat, Nabi Musa AS memukul batu itu dengan tongkatnya sehingga keluar air darinya. Jenis batu itu pula menurut al-Zamakhshari ialah batu granit berukuran satu hasta kali satu hasta.

Terdapat keterangan daripada pendapat lain daripada kalangan mufasirrin tentang batu tersebut seperti berikut:

- (1) Besarnya seperti sebesar kepala manusia.
- (2) Asal batu tersebut berasal dari syurga yang tingginya sepuluh hasta, sama dengan tinggi Nabi Musa AS sedangkan batu tersebut mempunyai dua cabang yang kedua-duanya menyala dalam kegelapan, dan selalu dibawa di atas punggung keldai.

- (3) Batu tersebut dibawa turun oleh Nabi Adam AS dari syurga, lalu diwarisi secara turun-temurun hingga sampai ke tangan Nabi Syu'aib, lalu Nabi Syu'aib menyerahkan batu itu bersama tongkatnya kepada Musa AS.
- (4) Batu tersebutlah yang pernah membawa lari pakaian Nabi Musa AS ketika sedang mandi. Lalu Malaikat Jibril berkata kepada Nabi Musa AS, "Angkatlah batu itu, kerana sesungguhnya pada batu itu terdapat kekuatan dan engkau mempunyai mukjizat padanya." Kemudian Nabi Musa AS membawanya pada pikulannya.

Al-Zamakhshari menyatakan, dapat pula diertikan bahawa huruf *Alif lam* pada lafaz *al-hajar* (الْحَجَرُ) bermakna *li al-jins*, bukan *li al-'abd*. Dengan kata lain dikatakan, "Pukullah sesuatu benda yang disebut batu!"

Diriwayatkan dari al-Hasan bahawa Nabi Musa AS tidak diperintahkan memukul sebuah batu dengan cara tertentu dan penafsiran seperti ini lebih menonjolkan sifat mukjizat dan lebih menggambarkan tentang kekuasaan mukjizat. Disebutkan bahawa Nabi Musa AS memukul batu, lalu memancarlah mata air darinya, sesudah itu dia memukulnya lagi, maka berhentilah airnya dan kering. Kemudian Bani Israil menyatakan, "Jika Nabi Musa AS kehilangan batu ini, nescaya kita akan kehausan." Maka Allah SWT menurunkan wahyu-Nya kepada Nabi Musa AS yang memerintahkan agar berbicara kepada batu tersebut. Batu itu akan memancarkan air tanpa menyentuhnya dengan tongkat dengan harapan mereka kelak ingin percaya dan beriman, serta mengakui kenabian Nabi Musa AS.

Yahya bin Nadr menyatakan bahawa beliau pernah bertanya kepada Juwaybir, "Bagaimanakah tiap-tiap suku mengetahui mata air untuk minum mereka?" Juwaybir menjawab, "Nabi Musa AS meletakkan batu tersebut, lalu masing-masing suku diwakili oleh seseorang dalam kalangannya. Kemudian Nabi Musa AS memukul batu itu, maka memancarlah dua belas mata air. Tiap-tiap mata air memancar ke arah wakil masing-masing tersebut. Seterunya, setiap lelaki memanggil sukunya untuk mengambil air dari mata airnya masing-masing."

Al-Dahhak meriwayatkan dari Ibn ‘Abbas bahawa ketika Bani Israil berada di padang pasir, Nabi Musa AS membelah batu untuk mereka menjadi mata air. Ikrimah dan Ibn ‘Abbas menambah bahawa sesuatu itu berlaku di Padang Sahara; Nabi Musa AS memukul batu untuk mereka, maka memancarlah dari batu itu dua belas mata air, setiap suku masing-masing hanya meminum dari mata air yang diperuntukan untuk mereka. Bahkan menurut Mujahid yang juga meriwayatkan daripada kata-kata Ibn ‘Abbas bahawa kisah ini amat mirip dengan kisah yang ada dalam surat *al-A‘raf*. Kisah yang ada dalam surat *al-A‘raf* diturunkan di Mekah. Oleh kerana itu, pemberitaan tentang mereka menggunakan kata ganti orang ketiga yang tidak ada (damir ghaib) kerana Allah SWT ingin mengisahkan kepada Rasul-Nya apa yang mereka lakukan, iaitu daripada kalangan Bani Israil. Adapun kisah yang ada dalam surat *al-Baqarah* (2: 60) ini pula diturunkan di Madinah. Untuk itu, kata-kata ini ditujukan secara langsung kepada orang Yahudi yang ada Madinah. Dalam surat *al-A‘raf* kisah ini diberitakan melalui firman-Nya:

فَأَنْبَجَسَتْ مِنْهُ اثْنَتَا عَشْرَةَ عَيْنًا

Maksud: *Maka terpancarlah daripadanya dua belas mata air*

(Surah *al-A‘raf*, 7: 160)

Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/279) bahawa apa yang dimaksudkan dengan *inbijas* (الإنجاس) dalam ayat ialah permulaan pancaran, sedangkan dalam ayat surat *al-Baqarah* disebutkan keadaan sesudahnya, iaitu meluncurnya air tersebut dalam bentuk pancaran air. Maka sesuaiilah bila dalam ayat yang sedang dibahaskan ini disebut istilah *infijar* (الإنفجار), sedangkan dalam ayat surat *al-A‘raf* disebut dengan memakai *inbijas* (الإنجاس). Antara kedua-dua ungkapan terdapat perbezaan ditinjau dari sepuluh segi *lafzi* dan *maknawi*.

SURAH AL-BAQARAH (2: 61)

Setelah Allah SWT menceritakan tentang nikmat air pancuran yang diberikan kepada Bani Israil, sekali lagi Allah SWT menceritakan tentang kebodohan Bani Israil melalui permintaan mereka untuk menggantikan anugerah *manna* dan *salwa* dengan sesuatu yang lebih kurang kebaikan dan khasiat. Firman-Nya:

وَإِذْ قُلْتُمْ يَا مُوسَىٰ لَنْ نَصْبِرَ عَلَىٰ طَعَامٍ وَاحِدٍ فَادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُخْرِجْ لَنَا مِمَّا تُنْتِجُ الْأَرْضُ مِنْ بَقْلِهَا وَقِثَّائِهَا وَفُومِهَا وَعَدَسِهَا وَبَصِلِهَا ^ط قَالَ أَسْتَبْدِلُونَ الَّذِي هُوَ أَدْنَىٰ بِالَّذِي هُوَ خَيْرٌ ^ج أَهْبِطُوا مِصْرًا فَإِنَّ لَكُمْ مِمَّا سَأَلْتُمْ ^ظ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلَّةُ ^ج وَالْمَسْكَنَةُ وَبَاءَ ^ج وَبِغَضَبٍ مِّنَ اللَّهِ ^ظ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ ^ظ النَّبِيَّ ^ظ بَغَيْرِ الْحَقِّ ^ظ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا ^ظ وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿٦١﴾

Maksud: Dan (kenangkanlah) ketika kamu berkata, “Wahai Musa, kami tidak sabar (sudah jemu) dengan makanan yang semacam sahaja, maka pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya dikeluarkan bagi kami sebahagian dari apa yang tumbuh di bumi; dari sayuran, dan mentimun, dan bawang putih, dan adas (kacang dalnya), serta bawang merahnya.” Nabi Musa menjawab, “Adakah kamu mahu menukar sesuatu yang kurang baik dengan meninggalkan yang lebih baik? Turunlah kamu ke bandar kerana di sana kamu boleh dapati apa yang kamu minta itu.” Dan mereka ditimpakan dengan kehinaan dan

kepapaan, dan sudah sepatutnya mereka mendapat kemurkaan dari Allah. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka kufur (mengingkari) ayat Allah (perintah dan mukjizat yang membuktikan kebesaran-Nya); dan mereka pula membunuh para nabi dengan tidak ada alasan yang benar. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka menderhaka dan mereka pula sentiasa menceroboh. (61).

(Surah *al-Baqarah*, 2: 61)

Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/279) dalam menafsirkan ayat ini menyebut bahawa Allah SWT berfirman, “Ingatlah kamu akan nikmat-Ku yang Kulimpahkan kepada kamu di kala Aku menurunkan manna dan salwa kepada kamu sebagai makanan yang baik, bermanfaat, enak, dan mudah. Ingatlah ungkapan keluhan serta kebosanan kamu terhadap apa yang Kami limpahkan kepada kamu, dan kamu meminta kepada Nabi Musa AS menggantinya dengan makanan yang bermutu rendah, seperti sayuran dan lain-lainnya yang kamu minta.”

Al-Hasan al-Basri menyatakan bahawa mereka muak disebabkan sudah terbiasa dengan hal tersebut, maka mereka tidak sabar terhadap makanan *manna* dan *salwa*. Mereka teringat kepada kehidupan sebelumnya yang biasa mereka jalani. Mereka merupakan kaum yang biasa memakan kacang adas, bawang merah, sayur-sayuran, dan bawang putih. Lalu mereka berkata, “*Hai Musa, kami tidak sabar (tahan) dengan satu macam makanan saja. Oleh sebab itu, mohonkanlah untuk kami kepada Tuhanmu agar Dia mengeluarkan bagi kami dari apa yang ditumbuhkan di bumi, iaitu sayur-sayuran, mentimun, bawang putih, kacang adas, dan bawang merah.* (Surah *al-Baqarah*, 2: 61). Sesungguhnya mereka menyatakan bahawa mereka hanya makan daripada satu jenis makanan sahaja, iaitu *manna* dan *salwa* pada setiap hari. *Al-buqul*, iaitu sayur-sayuran, *al-qissa*, iaitu mentimun, *al-‘adas*, iaitu kacang adas, dan *al-basal*, iaitu bawang merah semuanya sudah dikenal. Mengenai *al-pum* (الْفُومُ) pula terdapat perbincangan dalam kalangan ulama tafsir seperti berikut:

- (1) Ibn Mas‘ud: Menurut qiraatnya disebut *sum* (ثُوم) dengan memakai huruf *tha* yang beerti bawang putih. Hal yang sama ditafsirkan oleh Ibn Mas‘ud, al-Rabi‘ bin Anas, dan Sa‘id bin Jubair bahwa *al-fum* bererti *saum*, iaitu bawang putih. Hal yang sama dikatakan pula oleh.
- (2) Al-Hasan dan Ibn ‘Abbas: Bawang putih dan dalam bahasa lama disebutkan *fawwimu lana* (فَوَّموَا لَنَا) yang ertinya “buatkanlah roti untuk kami.”
- (3) Pendapat lain Ibn ‘Abas, Sufyan al-Thawri, Abu Malik, dan al-Jawhari: Gandum yang biasa dipakai untuk membuat roti. Perkataan ini menurut dialek Bani Hashim sebagai *al-jum*, yang bererti Gandum.
- (4) ‘Ata dan Qatadah: Biji-bijian yang dapat dijadikan roti.
- (5) Satu pendapat: Kacang *hums* menurut dialek Syamiah, dan orang yang menjualnya disebut *fami* yang diambil dari kata Jumi sesudah diubah sedikit. Sedangkan Imam Bukhari menyatakan bahwa sebahagian ulama menyatakan bahwa *al-jum* ertinya segala jenis biji-bijian yang boleh dimakan.

Seterusnya Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/281) menyambung tafsiran ayat dalam firman Allah SWT berikut:

قَالَ أَتَسْتَبَدُّونَ الَّذِي هُوَ أَدْنَىٰ بِالَّذِي هُوَ خَيْرٌ

Maksud: Nabi Musa menjawab, “Adakah kamu mahu menukar sesuatu yang kurang baik dengan meninggalkan yang lebih baik?”

(Surah *al-Baqarah*, 2: 61)

Dalam ungkapan ayat ini terkandung teguran dan celaan terhadap permintaan mereka yang meminta jenis makanan yang rendah nilai dan harga, padahal mereka sedang dalam kehidupan yang menyenangkan

dan memiliki makanan yang enak lagi baik dan lebih berkhasiat. Lalu Allah SWT memerintahkan dengan firman-Nya:

أَهْبِطُوا مِصْرًا

Maksud: *Turunlah kamu ke bandar.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 61)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/281) menjelaskan ayat ini dengan memetik kata-kata Sayyidina Ibn ‘Abbas (t.th.: 1/10), Sayyidina Qatadah, dan al-Rabi’ bin Anas bahawa ayat ini membawa maksud, “pergilah kamu ke suatu kota.” Bagi Imam Ibn Jarir (2001: 2/21) bahawa menurut qiraat Ubay bin Ka‘ab dan ibn Mas‘ud bahawa bacaan misran (مِصْرًا) dibaca sebagai *misr* (مِصْر), bereti “pergilah kamu ke negeri Mesir. Pengertian ini dianggap sebagai pendapat kedua yang ditakwilkan daripada ayat. Hal ini sebagaimana yang terdapat dalam pandangan al-Rabi’ bin Anas dan abu al-Ma‘ashi bahawa yang menyatakankan ayat tersebut sebagai negeri Mesir tempat Firaun berkuasa.

Ibnu Jarir menyatakan bahawa ayat ini boleh diinterpretasikan sebagai negeri Mesir Firaun menurut qiraat orang tanpa tanwin pada perkataan *misr* (مِصْر). Pada kedua-dua pendapat ini terdapat permasalahan yang diperbincangkan, iaitu makna misra, apakah makna yang dimaksud adalah Mesir negerinya Firaun atau salah satu negeri, iaitu kota secara mutlak? Pendapat yang menyatakan bahawa kota tersebut adalah negeri Mesir masih perlu dipertimbangkan. Tetapi yang benar ialah suatu kota secara mutlak, seperti yang disebut oleh riwayat Ibn ‘Abbas dan lain-lainnya.

Berdasarkan pengertian ini makna ayat adalah seperti berikut, “Musa berkata kepada mereka, “Apa yang kamu minta itu bukanlah merupakan hal yang sulit, bahkan hal tersebut banyak terdapat di kota mana pun yang kamu masuki, dan tidaklah wajar bagi kamu

meminta kepada Allah SWT sesuatu yang serendah itu lagi mudah diperoleh.” Oleh kerana itulah maka Nabi Musa AS berkata kepada mereka yang dipetik oleh firman-Nya:

أَتَسْتَبْدِلُونَ الَّذِي هُوَ أَدْنَىٰ بِالَّذِي هُوَ خَيْرٌ

Maksud: *Adakah kamu mahu menukar sesuatu yang kurang baik dengan meninggalkan yang lebih baik?*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 61)

Perkataan *ma saaltum* (مَا سَأَلْتُمْ), yang bererti, “apa yang kamu minta.” Hal ini termasuk dalam kategori permintaan yang keterlaluan dan sangat buruk, maka bukan merupakan suatu keharusan untuk diperkenankan. Sebab itu, Allah SWT seterusnya berfirman:

وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذِّلَّةُ وَالْمَسْكَنَةُ وَبَاءُوا بِغَضَبٍ مِّنَ اللَّهِ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ النَّبِيْنَ بَغْيِرِ الْحَقِّ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿٦١﴾

Maksud: *Dan mereka ditimpakan dengan kehinaan dan kepapaan, dan sudah sepatutnya mereka mendapat kemurkaan dari Allah. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka kufur (mengingkari) ayat Allah (perintah dan mukjizat yang membuktikan kebesaran-Nya); dan mereka pula membunuh para nabi dengan tidak ada alasan yang benar. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka menderhaka dan mereka pula sentiasa menceroboh. (61).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 61)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/281) menghuruaiakan potongan pertama daripada firman Allah SWT ini dengan firman-Nya:

وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذِّلَّةُ وَالْمَسْكَنَةُ

Maksud: *Dan mereka ditimpakan dengan kehinaan dan kepapaan*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 61)

Petikan ayat ini membawa maksud bahawa dengan sebab tingkah laku mereka tersebut menyebabkan mereka ditimpakan dan ditetapkan kepada mereka menurut hukum *syarak* dan *takdir*. Hal ini membawa maksud mereka terus-menerus dalam keadaan hina dengan sesiapa sahaja yang bersua dan bersua dengan mereka, sudah pasti orang tersebut akan menghina dan mencemuh akan mereka. Selain itu, mereka juga ditimpakan kenistaan di samping kehinaan yang selalu menyertai mereka di mana sahaja mereka berada. Sebagai contoh Ibn ‘Abbas berkata antara kehinaan yang dimaksudkan oleh ayat ialah mereka adalah orang yang dikenakan bayaran jizyah.

Pandangan ini juga dipersetujui oleh Sayidina al-Hasan dan Sayyidina Qatadah bahawa perkataan sehubungan dengan firman-Nya, “*Waduribat ‘alaihim al-zillah*” (وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذِّلَّةُ) bahawa mereka membayar jizyah dengan patuh dan tunduk kepada pemerintah Islam dalam keadaan yang terhina. Sayyidina al-Hassan menambah bahawa Allah SWT menjadikan mereka hina dan tidak mempunyai harga diri lagi serta menjadikan mereka berada di bawah kekuasaan kaum Muslim. Ketika umat Nabi Muhammad SAW menjumpai mereka juga mereka masih membayar jizyah kepada orang Majusi. Sedangkan perkataan *al-maskanah* (الْمَسْكَنَةُ) menurut Abu al-‘Aliyah, al-Rabi‘ bin Anas, dan al-Suddi sebagai bermaksud dalam keadaan kemiskinan. Namun

pengertian perkataan ini menurut al-'Aufi membawa maksud membayar kharraj (pajak), dan menurut al-Dahhak ertinya jizyah.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/282) meneruskan perbincangan tafsiran ayat ini dalam firman Allah SWT:

وَبَاءٌ وَيَغَضِبُ مِنَ اللَّهِ

Maksud: *Dan sudah sepatutnya mereka mendapat kemurkaan dari Allah.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 61)

Imam Ibn Kathir memetik kata-kata Imam al-Dahhak yang menjelaskan bahawa makna ayat ini ialah mereka berhak mendapat kemurkaan dari Allah SWT. Sedangkan menurut al-Rabi' bin Anas pula bahawa kemurkaan daripada Allah SWT tertimpa ke atas diri mereka. Sedangkan Sa'id bin Jubair menyatakan bahawa maksud ayat bahawa mereka berhak untuk mendapat kemurkaan daripada Allah SWT. Bagi Imam Ibn Jarir (2001: 2/27) menyatakan, mereka pergi dan kembali dengan sentiasa tertimpa kemurkaan dari Allah SWT. Lafaz *ba'u* (بَاءٌ) ini tidak disebutkan melainkan dalam keadaan selalu dihubungkan adakalanya dengan kebaikan atau keburukan. Oleh kerana itu, sekiranya dikatakan *ba'a fulanun bizambihi* (بَاءَ فُلَانٍ إِذْ يَأْتِيهِ يَبُوءُ بِهٖ ؕ وَءَا وَءَا), iaitu bererti, “si Fulan kembali dengan membawa dosanya.” Bentuk mudari'nya *yabu-u bihi* (يَبُوءُ بِهٖ), sedangkan bentuk masdar-nya *baw'an* (بُوءًا) dan *bawa'an* (بُوءًا). Termasuk ke dalam pengertian lafaz ini yang digunakan oleh Allah SWT dalam firman-Nya yang lainnya yang menyatakan:

إِنِّي أُرِيدُ أَنْ تَبُوءَ بِإِثْمِي وَإِثْمِكَ

Maksud: *Sesungguhnya aku mahu supaya engkau kembali dengan (membawa) dosa (membunuhku) dan dosamu sendiri.*

(Surah *al-Ma'idah*, 5: 29)

Ayat ini membawa erti, kamu kembali dengan memikul kedua-dua dosa itu dan pergi dengan membawa kedua-duanya pula, dan jadilah kedua dosa tersebut berada di atas bahumu, sedangkan aku terbebas darinya .

Akhirnya Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/282) menyimpulkan bahawa daripada semua pendapat tersebut dapat disimpulkan bahawa apabila mereka kembali, maka mereka kembali seraya membawa kemurkaan Allah SWT di bahu mereka; dan jadilah mereka orang yang ditimpa oleh kemurkaan daripada Allah SWT, serta mereka berhak untuk mendapat kemurkaan daripada-Nya.

Allah SWT menambah tentang sebab mereka layak untuk mendapat kemurkaan daripada-Nya dengan firman-Nya yang seterusnya yang menjelaskan:

ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ النَّبِيْنَ
بِغَيْرِ الْحَقِّ

Maksud: *Yang demikian itu ialah disebabkan mereka kufur (mengingkari) ayat Allah (perintah dan mukjizat yang membuktikan kebesaran-Nya); dan mereka pula membunuh para nabi dengan tidak ada alasan yang benar.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 61)

Makna ayat ini menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/283) seakan-akan menyatakan bahawa pembalasan yang Allah SWT timpakan kepada mereka berupa nista, kehinaan, dan kemurkaan yang selalu

menimpa mereka, sebagai akibat dari sifat angkuh mereka yang tidak mahu mengikuti perkara yang hak, mereka juga kafir kepada ayat-Nya serta menghina para pemangku syariat, iaitu para nabi dan pengikutnya. Mereka terus-menerus menghina para nabi dan pengikutnya hingga sampai berani membunuh kedua-duanya. Maka tiada dosa yang lebih besar daripada apa yang mereka lakukan itu, iaitu selain mereka kafir terhadap ayat Kami, mereka juga berani membunuh para nabi tanpa alasan yang dibenarkan. Oleh kerana itu, dalam sebuah hadis yang disepakati kesahihannya disebutkan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda dalam satu hadis (Muslim, t.th.: 91):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رضي الله عنه، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ: «لَا يَدْخُلُ
الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنْ كِبَرٍ» قَالَ رَجُلٌ: إِنَّ
الرَّجُلَ يُحِبُّ أَنْ يَكُونَ نَوْبُهُ حَسَنًا وَنَعْلُهُ حَسَنَةً، قَالَ: «إِنَّ
اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ، الْكِبَرُ بَطْرُ الْحَقِّ، وَغَمَطُ النَّاسِ.»

Maksud: *Abdullah bin Mas'ud menceritakan bahawa Nabi SAW bersabda, "Tidak akan masuk syurga orang yang dalam hatinya terdapat seberat biji sawi dari kesombongan." Seorang lelaki bertanya: "Sesungguhnya seorang lelaki menyukai baju dan sandalnya yang bagus (apakah ini termasuk kesombongan)?" Baginda SAW menjawab, "Sesungguhnya Allah itu indah dan menyukai keindahan. Kesombongan itu adalah menolak kebenaran dan meremehkan manusia."*

(Muslim)

Pengertian sombong yang dibicarakan dalam hadis ini dihuraikan dengan lebih lanjut dalam hadis yang lain, iaitu (Ahmad, 2001: 3644):

قَالَ ابْنُ مَسْعُودٍ: كُنْتُ لَا أَحْبُبُ عَنِ التَّجْوَى، وَلَا عَن
 كَذَا وَلَا عَن كَذَا قَالَ: فَاتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ وَعِنْدَهُ مَالِكُ
 بْنُ مُرَارَةَ الرَّهَاطِيُّ، فَأَدْرَكْتُهُ مِنْ آخِرِ حَدِيثِهِ، وَهُوَ يَقُولُ: يَا
 رَسُولَ اللَّهِ، قَدْ قُسِمَ لِي مِنَ الْجَمَالِ مَا تَرَى، فَمَا أُحِبُّ أَنْ
 أَحَدًا مِنَ النَّاسِ فَضَلَنِي بِشِرَاكَيْنِ فَمَا فَوْقَهُمَا أَفَلَيْسَ ذَلِكَ
 هُوَ الْبَغْيُ؟ فَقَالَ: “لَا لَيْسَ ذَلِكَ مِنَ الْبَغْيِ، وَلَكِنَّ الْبَغْيَ
 مَنْ بَطَرَ - أَوْ قَالَ: سَفِهَ الْحَقَّ - وَغَمَطَ النَّاسَ.”

Maksud: *Ibn Mas'ud berkata, “Aku adalah orang yang tidak pernah terhalang daripada semua pembicaraan yang rahsia, tidak pula dari ini dan itu. Pada suatu hari aku datang menemui Rasulullah SAW yang saat itu Malik bin Mararah al-Rahawi berada di hadapannya, lalu ia menjumpai akhir pembicaraan yang dikatakan oleh Malik yang menyatakan demikian, “Wahai Rasulullah, aku mendapat bahagian ternak unta seperti yang engkau lihat sendiri, maka aku tidak suka bila ada seseorang dalam kalangan mereka mempunyai bahagian yang lebih dariku dua ekor ternak atau lebih. Akan tetapi, bukankah perasaan ini disebut sombong?” Rasulullah SAW menjawab, “Tidak! Hal itu bukan termasuk sifat sombong, tetapi sombong itu ialah angkuh atau meremehkan perkara yang hak dan merendahkan orang lain.”*

(Ahmad)

Berdasarkan hadis ini bahawa menolak perkara yang hak, meremehkan orang lain, menghina mereka, dan merasa besar diri terhadap mereka itulah yang dinamakan orang yang memiliki sifat sombong. Oleh kerana itu, tatkala Bani Israil melakukan hal yang mereka lakukan

seperti ingkar terhadap ayat Allah SWT dan berani membunuh para nabi mereka, maka Allah SWT menimpakan kepada mereka kemurkaannya yang tidak dapat dihindarkan lagi, dan Allah SWT menimpakan kepada mereka kehinaan di dunia yang berlanjutan sehingga sampai kepada kehinaan di alam akhirat. Hal ini semua adalah sebagai balasan yang setimpal buat mereka. Terbukti kenyataan ini berhujahkan athar Abdullah bin Mas'ud yang menceritakan bahawa pada masa dahulu Bani Israil pernah ada sampai sehari mereka membunuh sebanyak tiga ratus orang nabi, kemudian mereka mendirikan pasar sayur-sayuran mereka pada petang harinya. Justeru, kenyataan ini ada disokong dalam hadis Nabi SAW yang menyatakan (Ahmad, 2001: 3868):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: "أَشَدُّ
النَّاسِ عَذَابًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ رَجُلٌ قَتَلَهُ نَبِيٌّ، أَوْ قَتَلَ نَبِيًّا، وَإِمَامًا
ضَلَالَةً وَمُمَثِّلٌ مِنَ الْمُمَثَّلِينَ"

Maksud: *Abdullah bin Mas'ud menceritakan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda, "Orang yang paling keras mendapat azab di hari kiamat ialah seorang lelaki yang dibunuh oleh seorang nabi atau yang membunuh nabi, dan imam kesesatan serta seseorang dalam kalangan orang yang gemar mencincang (membunuh secara kejam)."*

(Ahmad)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/283) seterusnya menyambung perbincangan ayat terakhir daripada surah *al-Baqarah* (2:61). Allah SWT berfirman:

ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿٦١﴾

Maksud: *Yang demikian itu ialah disebabkan mereka menderhaka dan mereka pula sentiasa menceroboh. (61).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 61)

Ayat ini menurut Imam Ibn Kathir merupakan pernyataan sebab lain lain yang mengakibatkan mereka menerima pembalasan tersebut, iaitu mereka selalu berbuat durhaka dan melampaui batas. Mereka durhaka kerana melakukan hal yang dilarang dan melewati dan melampaui batasan yang diperbolehkan dan melanggar sesuatu yang diperintahkan.

PENGAJARAN AYAT

Terdapat beberapa pengajaran yang boleh diambil oleh kaum Muslimin tentang kisah yang diceritakan oleh Allah SWT berhubung dengan kaum Bani Israil. Pengajaran tafsiran ayat adalah berkisah tentang

SIFAT KEJI DAN TERCELA BANI ISRAIL YANG WAJAR DIJAUHI

Umat Islam wajar memahami sifat keji dan tercela kaum Bani Israil yang diceritakan oleh Allah SWT agar dijauhi daripada mengikutinya. Sifat tersebut termasuklah tidak mahu berjuang dan berjihad di jalan Allah SWT, suka melawan dan mengolok-olokkan perintah-Nya dan Nabi-Nya (surah *al-Baqarah*, 2: 58-59; Ibn al-Kathir, 1999: 1/273), dan meminta sesuatu yang tidak mendatangkan faedah dalam hidup.

TIDAK MAHU BERPERANG DAN BERJIHAD DI JALAN ALLAH SWT

Salah satu kejahatan Allah SWT ialah keengganan kaum Bani Israil untuk berjihad, masuk berjuang, dan mewarisi semula Baitulmuqaddis yang dikuasai oleh kaum *Amaliqah* (Surah *al-Baqarah*, 2: 58-59; Ibn al-Kathir, 1999: 1/273; Surah *al-Ma'idah*, 5: 21). Namun akhirnya, Allah SWT memberikan juga kemenangan kepada kaum Bani Israil terhadap negeri Baitulmuqaddis tersebut.

MELAWAN DAN MENDERHAKA PERINTAH ALLAH SWT DAN NABI-NYA

Setelah hukuman tersesat di Padang Pasir selama 40 tahun sudah sempurna akhirnya Allah SWT memberikan juga kemenangan buat Kaum Bani Israil. Di atas kemenangan yang diberikan oleh Allah SWT kepada mereka, maka Allah SWT memerintahkan kaum Bani Israil untuk masuk ke pintu gerbang Baitulmuqaddis dengan keadaan menunduk, rukuk (Ibn Jarir, 2001: 1/714), sujud, (Ibn al-Kathir, 1999: 1/274; Al-Razi, 1999: 3/523), mengiring dengan keadaan menghadap kiblat (Al-Razi, 1999: 3/523), dan beristighfar dengan kalimah doa keampunan yang diajarkan oleh Allah SWT (surah *al-Baqarah*, 2: 58). Perintah ini sebagaimana perintah yang disuruh oleh Allah SWT kepada nabi Muhammad SAW umatnya ketika mereka mendapat kemenangan dan pertolongan Allah SWT (surah *al-Nasr*, 110: 1-3).

Namun, sebaliknya pula mereka membangkang perintah ini dengan tetap masuk ke gerbang negeri dengan keadaan menegakkan kepala, mengesot punggung, serta menukar doa kalimah keampunan dengan sesuatu perkataan yang jauh daripada makna keampunan dengan tujuan untuk memperolok-olokkan perintah Allah SWT tersebut (surah *al-Baqarah*, 2: 59)t. Semua perintah Allah SWT ini bertujuan untuk Allah SWT memberikan keampunan kepada kaum Bani Israil terhadap dosa yang mereka lakukan (Ibn al-Kathir, 1999: 1/275).

MEMPERMAIN-MAIN PERINTAH ALLAH SWT

Antara kejahatan Bani Israil adalah mempermain-main dan memperolok-olok perintah Allah SWT dengan mengubah kalimah keampunan, iaitu *hittah* yang 'bermaksud ampunilah dosa kami' (Surah *al-Baqarah*, 2: 58-59) kepada 'habbah' (Al-Bukhari, 2001: 3403) atau 'hintah' (Ibn Jarir, 2001: 1021) yang bermaksud bijian. Tidak lain tujuan menukarkan kalimah tersebut disebabkan degil terhadap suruhan Allah SWT dan ingin memperolok-olokkan perintah-Nya. Sedangkan perintah yang

diperintahakan itu tidak lain hanya untuk Allah SWT mengampuni dosa mereka. Namun, mereka tidak mengambil kisah sama ada Allah SWT mengampunkan mereka atau pun tidak. Oleh sebab itu, Allah SWT memberikan gelaran kepada dengan gelaran orang yang bodoh (Surah *al-Baqarah*, 2: 142).

TIDAK BERSYUKUR DENGAN NIKMAT PEMBERIAN ALLAH SWT

Salah satu sifat keji yang digambarkan oleh Allah SWT untuk dijauhi oleh umat Islam ialah tidak bersyukur dengan nikmat yang diberikan oleh-Nya kepada Bani Israil ketika mereka berada di Padang Pasir Sahara. Mereka diberikan dengan nikmat makanan yang sangat berkhasiat berupa *al-manna* dan salwa yang tidak pernah diperoleh oleh mana-mana umat. Lalu mereka meminta makanan yang biasa dimakan oleh mana-mana umat manusia seperti bawang putih, bawang merah, kekacang, sayur-sayuran, dan mentimun. Oleh kerana itu, Nabi Musa sendiri hairan dengan perangai umatnya yang bodoh tersebut dan menyuruh mereka dapatkannya sendiri di mana-mana bandar tempat manusia tinggal (Surah *al-Baqarah*, 2: 61; Ibn al-Kathir, 1999: 1/279).

ANGKUH DAN MENGINKARI PERINTAH ALLAH SWT SERTA MEMBUNUH NABI

Salah satu sifat yang sangat keji yang disifatkan oleh Allah SWT terhadap golongan Bani Israil ialah sangat angkuh (Muslim, t.th.: 91) dan mengingkari perintah Allah SWT, menghina para nabi dan pengikut setia para Nabi, dan membunuh para nabi dan pengikut mereka yang diutuskan dengan cara yang tidak benar (Surah *al-Baqarah*, 2: 61; Ibn al-Kathir, 1999: 1/283). Sedangkan membunuh seorang Nabi dianggap sabagai satu dosa yang sangat besar bahkan akan diazab dengan azab yang sangat pedih (Ahmad, 2001: 3868).

SANGAT MELAMPAU BATAS

Kaum Bani Israil dalam ayat juga digolongkan sebagai golongan yang melampaui batas dalam tindakan mereka (Surah *al-Baqarah*, 2: 61). Oleh kerana itu, mereka sangat berani untuk membunuh utusan Allah SWT dalam kalangan Nabi dan Rasul (Ahmad, 2001: 3868) sebagaimana yang mereka ingin lakukan kepada Nabi Isa AS. Bahkan ada kalangan mufasirin yang menyatakan mereka pernah membunuh para Nabi dalam sehari sehingga 300 orang Nabi Ibn al-Kathir (1999: 1/283).

Balasan Buruk Terhadap Sifat Kebodohan, Kesombongan, dan Kedegilan Bani Israil

Umat Islam wajar mengambil pengajaran daripada sifat sombong, degil, dan angkuh sebahagian daripada kaum Bani Israil yang mengakibatkan mereka diazab dalam pelbagai bentuk seperti menjadi golongan lemah dan penakut, ditimpakan penyakit, ditindas di mana-mana, dimurkai, dan digolongkan mereka dalam kalangan orang yang fasik.

Menjadi Umat yang Sangat Penakut kepada Kematian

Disebabkan keengganan mereka keluar berjihad, maka Allah SWT mematahkan semangat mereka sehingga menjadi satu bangsa yang penakut dan menjadi bangsa yang lemah dan selalunya ditindas (Surah *al-Baqarah*, 2: 58-59; Ibn al-Kathir, 1999: 1/273-274; Surah *al-Ma'idah*, 5: 21). Berdasarkan pengajaran daripada azab ini, maka umat Islam juga boleh tertimpa dengan sifat penakut kepada kematian sekiranya mereka juga enggan keluar berdakwah dan berjihad untuk menegakkan agama Allah SWT. Keengganan untuk menegakkan agama Allah SWT pada hakikatnya menjadikan seseorang sangat cintakan kepada kehidupan dunia sehingga mereka sangat takut kepada kematian. Sebaliknya pula seseorang yang selalu berjuang menegakkan agama Allah SWT sama ada melalui dakwah dan jihad menyebabkan kecintaan

kepada agama dan akhirat meningkat dan menjadikan dirinya seseorang berani mati demi agama Allah SWT (Surah *al-Baqarah*, 2: 59).

Dibukum Terpenjara di Bumi Sahara 40 Tahun

Keengganan mereka untuk keluar berjihad untuk menguasai semula Baitulmuqaddis menyebabkan Allah SWT menghukum mereka tersesat di Padang Pasir Sahara selama 40 tahun (Surah *al-Baqarah*, 2: 58-59; Ibn al-Kathir, 1999: 1/273-274; Surah *al-Ma'idah*, 5: 21). Berdasarkan hukuman yang berat ini ditimpakan kepada Bani Israil kerana keengganan untuk berjihad, maka hal yang sama juga boleh tertimpa kepada kaum Muslimin jika mereka tidak bangun berjuang untuk menegakkan agama Allah SWT sama ada ketika negara di serang musuh dengan berjuang mempertahankan negara atau pada hari biasa dengan menegakkan agama melalui dakwah dan amar makruf dan nahi mungkar (Surah *al-Baqarah*, 2: 59).

Mendapat Kemurkaan Allah SWT

Umat Islam wajar menjauhi sifat bodoh, sombong, dan degil terhadap Allah SWT dan perintah-Nya, dan perintah Rasul-Nya sebagaimana yang dilakukan oleh kaum Bani Israil yang disebutkan dalam al-Quran agar mereka terjauh daripada kemurkaan Allah SWT. Tidak ada satu kaum yang diisytiharkan mendapat kemurkaan (Surah *al-Baqarah*, 2: 61; Ibn al-Kathir, 1999: 1/282) secara khusus dalam al-Quran melainkan kaum Bani Israil. Pengisytiharan ini menunjukkan sifat melampau kaum ini sehingga mereka terhina dengan penurunan al-Quran (surah *al-Baqarah*, 2: 59).

Ditimpakan dengan Pelbagai hukuman Lain

Disebabkan sifat tidak mahu berperang, suka melawan perintah Allah SWT, dan suka mempermain-main dan memperolok-olokkan perintah-Nya maka Allah SWT menghukum mereka dengan pelbagai hukuman lain selain dipenjarakan di bumi padang Pasir Sahara selama 40 tahun,

mereka juga ditimpakan dengan pelbagai penyakit yang berbentuk wabak (Muslim, t.th.: 2218), dan menjadi golongan yang tertindas di mana-mana mereka berada (Surah *al-Baqarah*, 2: 61; Ibn al-Kathir, 1999: 1/281) dengan terpaksa membayar jizyah dan

Metode Pengajaran Buat Kaum yang Bongkak dan Takbur untuk Kembali ke Pangkal Jalan

Umat Islam wajar memahami dan menghayati kaedah pengajaran al-Quran terhadap golongan yang sombong, bongkak, dan takbur dengan mengingatkan golongan ini dengan segala nikmat yang diberikan oleh Allah SWT kepada mereka. Sebagai contoh orang yang bongkak dengan harta dan kedudukan boleh diingatkan tentang semua yang diperoleh adalah hasil anugerah Allah SWT kepada mereka daripada segi keluarga bahagia sehingga mereka mendapat kasih sayang yang sempurna, pemberian akal fikiran yang tinggi oleh Allah SWT sehingga mereka boleh memajukan diri dalam bidang yang mereka perolehi, diberikan kesihatan dan kenikmatan dalam hidup sehingga dapat menjalani semua tugas dan pekerjaan dengan baik, diberikan tubuh badan yang sempurna sehingga dapat menggunakan segala pancaindera yang ada untuk mencapai kejayaan, kekayaan, dan kedudukan yang tinggi. Dengan cara ini, manusia sombong tersebut mudah-mudahan mereka kembali kepada Allah SWT dan bersyukur kepada-Nya.

Metode yang sama digunakan oleh Allah SWT kepada golongan kaum Bani Israil yang dianggap sebagai bongkak dan takbur dengan Allah SWT selalu memperingatkan mereka dengan nikmat sebagai kaum yang pernah diberikan kenikmatan, kemujizatan, dan kelebihan hasil daripada anugerah-Nya. Pada ayat ini, Allah SWT menggunakan metode yang sama dengan mengingatkan kepada Bani Israil tentang nikmat yang diberikan oleh Allah SWT yang berupa mukjizat pancuran air yang keluar daripada batu yang dipikul oleh kerbau setiap kali mereka berhenti daripada perjalanan musafir di Padang Pasir Sahara (Surah *al-Baqarah*, 2: 60; Ibn al-Kathir, 1999: 1/278-279; Surah *al-*

A'raf, 7: 160). Selepas sudah memperingatkan tentang nikmat Allah SWT, barulah Allah SWT menasihatkan mereka agar tidak membuat kerosakan di muka bumi ini (Surah *al-Baqarah*, 2: 60).

Kemenangan Para Rasul Merupakan Penghujung Perutusan

Umat Islam wajar mengambil pengajaran daripada tafsiran ayat bahawa setiap kemenangan besar nabi dan Rasul yang diutuskan oleh Allah SWT, maka itu menjadi tanda penting tentang tempoh perutusannya sudah hampir selesai (Surah *al-Nasr*, 110: 1-3).

Menyambut Kemenangan dan Pertolongan Allah SWT dengan Rasa Syukur

Umat Islam wajar mengambil pengajaran daripada ayat perbincangan dan tafsiran bahawa setiap kemenangan, keuntungan, faedah, dan pertolongan, dan pengabulan doa hendaklah diikuti dengan rasa syukur, sujud syukur, beristighfar, memohon keampunan, dan bertasbih serta beribadah kepada Allah SWT (surah *al-Baqarah*, 2: 58; Surah *al-Nasr*, 110: 1-3; Ibn Jarir, 2001: 1/714). Dengan berbuat demikian, maka Allah SWT akan mengampun dosa dan menambahkan kebaikan dalam bentuk kebahagiaan di dunia dan pahala yang besar di alam akhirat (Surah *al-Baqarah*, 2: 58; Ibn al-Kathir, 1999: 1/275; surah *al-Nasr*, 110: 1-3).

Sifat ini yang ditunjukkan oleh Baginda SAW ketika pembukaan Mekah dengan cara memasuki Mekah dalam keadaan tawaduk, merendah diri, mengucapkan kesyukuran, dan bersolat sebanyak lapan rakaat sama ada solat sunat Duha atau solat kesyukuran kerana diberikan kemenangan.

Perbezaan antara Sifat Angkuh dan Bermotivasi

Umat Islam wajar mengambil pengajaran daripada maksud angkuh dan cintakan kesempurnaan diri. Seseorang yang angkuh apabila dia

menolak kebenaran dan meremeh-remehkan orang lain sedangkan orang yang suka kepada kesempurnaan hanya ingin melakukan yang terbaik buat diri untuk mengatasi orang lain daripada segi pakaian (Muslim, t.th.: 91), kenderaan (Ahmad, 2001: 3644) dan sebagainya tanpa menolak kebenaran dan tidak meremeh, dan menghinakan orang lain (Muslim, t.th.: 91).

RUMUSAN

Buku ini membincangkan empat ayat daripada surah *al-Baqarah* (2: 58-61). Ringkasnya, hasil perbincangan tafsiran ayat menunjukkan terdapat enam sifat keji Bani Israil yang disebutkan oleh al-Quran dan ahli tafsir dalam kalangan sahabat, tabi'in, dan tabi tabi'in. Antara sifat keji mereka ialah tidak mahu berperang dan berjihad di jalan Allah SWT sehingga mereka dihukum tersesat selama 40 tahun di Padang Sahara, mereka juga suka melawan dan menderhaka terhadap perintah Allah SWT dan Nabi-Nya dan suka memperolok-olokkan perintah kedua-duanya. Sebagai contoh mereka menukar perintah Allah SWT untuk masuk ke pintu gerbang dengan mengiring sambil menundukkan kepala dan bersujud serta mengucapkan kalimah keampunan atas kejayaan menawan kembali Baitumuqaddis dengan masuk sambil mengesot ponggong mereka dan menegakkan kepala dan menggantikan kalimah memohon ampun dengan kalimah yang dekat dengannya tetapi bermaksud lain dengan tujuan mempersendakan Allah SWT. Perbahasan ayat juga menunjukkan bahawa kaum bani Israil tidak bersyukur terhadap nikmat yang banyak yang diberikan kepada mereka sehingga sanggup untuk meminta sesuatu yang tidak berkhasiat berbanding pemberian Allah SWT daripada *manna* dan *salwa*. Apa yang lebih teruk daripada perangai mereka ialah mereka banyak membunuh para nabi dan Rasul yang diutuskan berserta dengan pengikut nabi yang setia. Kesemua sifat keji yang digambarkan oleh Allah SWT dalam ayat yang dibincangkan membuktikan bahawa kaum bani Israil memang wajar dan berhak untuk mendapat kemurkaan Allah SWT dan azab-Nya.

Pada bahagian akhir daripada perbincangan, beberapa pengajaran boleh diambil buat umat Islam dan umat manusia dalam memahami kaum Bani Israil dan tidak mengikut jalan, sikap, dan perangai kaum yang mendapat kemurkaan Allah SWT ini.

RUJUKAN

- Ahmad, Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Bukhari, Muhammad Ismail. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Razi, Muhammad 'Umar. 1999. *Mafatih al-Ghayb - al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Araby.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn 'Abbas, Abdullah 'Abbas. t.th. *Tanwir al-Mikbas Min Tafsir Ibnu 'Abbas*. Mujd al-Din Abu Tahir Muhammad bin Ya'kub (Ed.). Lubnan: Dar al-Kutub 'Imiyah.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018. *Kaum Bani Israil dan Peristiwa Anak Lembu: Surah al-Baqarah (2: 50-57)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 06 Disember 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.

- Mad Rashid, Mohammad Hafiz, Wahab, Maslinda, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2018. *Sains Tauhidik dalam Pembangunan Peradaban Melayu*. Kertas Kerja dalam Seminar Tamadun Islam 2018. Bilik Kuliah 6, Blok N28, Universiti Teknologi Malaysia.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.

INDEKS

- Ahmad*, 31, 32
al-A'raf, 21, 22, 41
al-Baqarah, i, ii, iii, 3, 5, 6, 8,
 9, 10, 12, 14, 15, 17, 18,
 21, 22, 23, 25, 26, 27, 28,
 29, 32, 33, 35, 36, 37, 38,
 39, 40, 41, 45
Al-Bukhari, 13
 Allah SWT, iii, v, vi, 1, 5, 6,
 7, 8, 9, 10, 11, 12, 14, 15,
 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23,
 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30,
 32, 35, 36, 37, 38, 39, 40,
 41, 45
al-Ma'idah, 7, 29, 35, 38, 39
al-Maidah, 6
al-manna, 1, 5, 37
al-Nasr, 11, 36, 41
Al-Tabari, 14
Amaliqah, 6, 35
 anak lembu, 1
Ariha, 7
 Baitulmuqaddis, 1, 6, 7, 9, 35,
 36, 39
 Bani Israil, i, iii, 1, 5, 6, 13,
 17, 18, 19, 20, 21, 22, 32,
 35, 36, 37, 38, 39, 40, 45
 berjihad, 1, 5, 6, 35, 38, 39,
 45
 dosa, 1, 2, 6, 9, 10, 13, 14, 15,
 29, 30, 36, 37, 41
 Islam, 55
 Mesir, 6, 7, 25
Muslim, 6, 16, 17, 28, 30, 55
 Nabi Musa AS, 6, 19, 20, 21,
 23, 26
 pancuran air, 1, 5, 40
 perlindungan awan, 1
 Sahara, 6, 7, 21, 37, 39, 40,
 45
sahwa, 1, 5, 18, 22, 23, 37, 45
 Yusya' bin Nun AS, 7

BIODATA

Kamarul Azmi bin Jasmi menjawat jawatan Professor Madya di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia dan pernah berkhidmat sebagai guru Pendidikan Islam di SM Sains Miri. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, Ijazah Sarjana Pengajian Peradaban daripada Universiti Malaya, serta Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Islam) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau aktif dengan aktiviti penulisan dalam jurusan Pendidikan Islam seperti buku, sumbangan bab dalam buku, jurnal serta penulisan kertas kerja di persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau menghasilkan beberapa buah buku karya individu dan karya bersama antaranya berjudul Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii (2007), Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (2007), Pembaharuan dalam Dunia Islam (2007) *Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak* (2011), *Penyeliaan Guru Dalam Pengajaran & Pembelajaran* (2011), *Dasar Akidah Muslim* (2011), *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran* (2012), *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam* (2016) yang diterbitkan oleh Penerbit UTM serta *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al-Quran* (2016) dan *Disiplin Puasa dalam Sekolah Ramadan* (2019) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siri Tafsir Sempena Budaya al-Quran
Siri 11
Bani Israil dan Balasan Keingkaran
Surah *al-Baqarah* (2: 58-61)

Bani Israil dan Balasan Keingkaran, Surah *al-Baqarah* (2: 58-61), *Siri 11* merupakan siri buku tafsir al-Quran bersempena dengan Program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Bukan sedikit keingkaran yang dilakukan oleh Bani Israil terhadap perintah Allah SWT dan Rasul-Nya ketika kegemilangan penurunan kitab taurat. Oleh itu, tidak pelik jika Nabi Muhammad SAW, agama yang dibawa, dan pengikutnya juga turut dimusuhi oleh mereka sejak zaman berzaman. Buku ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah *al-Baqarah* (2: 58-61) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat enam pengajaran penting yang boleh diambil hasil daripada perbincangan ayat dan tafsirannya. Pengajaran tersebut ialah sifat keji dan tercela Bani Israil yang wajar dijauhi oleh kaum Muslimin, balasan buruk terhadap sifat kebodohan, kesombongan Kaum Bani Israil, metode pengajaran terbai buat kaum yang bongkan dan takbur, kemenangan para Rasul merupakan penghujung perutusan seseorang Rasul, menyambut kemenangan dan pertolongan Allah SWT dengan rasa syukur, dan perbezaan antara sifat angkut dan sifat bermotivasi dalam kehidupan.



ISBN 978-967-2171-79-9

